

ASEAN belum capai

1994 7 JUL 2002

integrasi — PM

BANGKOK 6 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ASEAN masih belum mencapai integrasi sepenuhnya selagi ada prosedur dan peraturan yang mengekang kelicinan urusan sesama negara anggota termasuk yang melibatkan masyarakat perniagaannya.

Beliau menegaskan isu paling utama yang sepatutnya diberi tumpuan dalam keghairahan ASEAN menangani perkara-perkara berkaitan liberalisasi ialah membantu memperbaiki kaedah-kaedah yang telah menyebabkan masyarakat perniagaan menanggung perbelanjaan besar.

Dr. Mahathir menarik perhatian kepada kelewatan penyelesaian kastam, piawai produk, keseragaman syarat dan peraturan serta ketelusan dalam prosedur dan kelulusan merupakan kekangan yang sering dihadapi sehingga hampir melenyapkan inisiatif tarif liberalisasi.

"Kita perlu memperluas dan mempererat kerjasama ASEAN dalam bidang-bidang berkenaan dalam usaha membina pasaran lebih luas ekoran pembentukan perjanjian perkongsi-an ekonomi yang lebih rapat dengan negara-negara lain.

"Kita perlu mewujudkan persekitaran yang betul untuk membolehkan masyarakat perniagaan kita bersaing," katanya ketika menyampaikan ucapan bertajuk 'Memperluas Hubungan Malaysia-Thailand Dalam Konteks Perubahan Persekitaran Global' sebelum melancarkan Dewan Perdagangan Malaysia-Thailand (MTCC) di sini hari ini.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berpendapat ASEAN mungkin perlu menyemak peraturan dalam perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) bagi melindungi kepentingan negara anggota terhadap perubahan pesat ekonomi dan persekitaran global.

Menurutnya, jika Amerika Syarikat sebagai negara maju pun merasakan perlu mengenakan tarif perlindungan dan langkah-langkah kawalan bagi melindungi industri dalam negaranya, apatah lagi negara-negara membangun perlu lebih pragmatik dalam dasar-dasarnya.

Menjana

Dr. Mahathir berpendapat proses integrasi ASEAN kini di landasan yang betul cuma dalam soal AFTA, perbincangan perlu mengambil kira jurang di antara negara anggota asal dan baru dalam pertubuhan serantau itu.

Tambahnya, bagi Malaysia dan Thailand yang masing-masing berusaha mengekal dan menjana pemulihan ekonomi, kerjasama antara negara bukan lagi satu pilihan tetapi menjadi keperluan.

Penubuhan MTCC pada 20 Jun lalu oleh sekumpulan ahli perniagaan Thailand dan Malaysia yang beroperasi di sini dengan sokongan Kedutaan Malaysia mempunyai matlamat meningkatkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara selain memberi nasihat dan cadangan bagi membantu menggiatkan aktiviti perniagaan bersama. "Kedua-dua nega-

ra telah menandatangani dan menyelesaikan banyak perjanjian untuk menjalin kerjasama lebih erat. Inisiatif terbaru yang sedang diusahakan ialah untuk menyediakan akaun perjanjian perdagangan di antara kedua-dua negara," katanya.

Walaupun ada kesangsian di kalangan sesetengah ahli perniagaan Thailand bahawa sistem itu akan mengambil alih kaedah perdagangan biasa, Perdana Menteri memberi jaminan akaun tersebut merupakan mekanisme tambahan yang akan memberi kelebihan sewaktu berurusan dengan mata wang masing-masing.

"Kenapa tidak kita gunakan mata wang sendiri dan menyelamatkan dolar untuk urusan perdagangan dengan negara lain di dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata, dengan mengurangkan pergantungan kepada dolar Amerika, sukar bagi pihak luar 'menyerang' negara-negara membangun melalui spekulasi mata wang seperti yang berlaku semasa krisis kewangan pada tahun 1997.

Pada sesi soal jawab selepas itu, Dr. Mahathir yang ditanya nasihatnya untuk mengukuhkan ASEAN berkata, perdagangan menggunakan mata wang negara anggota akan menyela-matkan daripada kemungkinan serangan serupa.

Beliau turut menyarankan agar kerajaan dan sektor perniagaan ASEAN bekerjasama mempromosikan pelancongan di rantau ini sebagai satu pakej. Mengenai kemungkinan ASEAN menggunakan hanya satu mata wang untuk perdagangan, Perdana Menteri me-

rasakan masih terlalu awal untuk melaksanakannya. Bagaimanapun, katanya, cadangan itu perlu dipertimbang secara serius dengan mengkaji kelebihan yang diperolehi oleh negara benua Eropah selepas penggunaan mata wang Euro. Sementara itu, berucap pada majlis makan malam yang dihoskan oleh rakan sejawatan-

nya, Thaksin Shinawatra, Perdana Menteri bangga dengan perkembangan hubungan baik di antara Malaysia-Thailand khususnya dalam bidang perdagangan.

Malaysia merupakan rakan kongsi perdagangan Thailand yang kelima terbesar, pengekspor keenam terbesar dan pembekal keempat terbesar bagi

negara itu. Jumlah dagangan di antara kedua-dua negara meningkat daripada AS\$4.6 bilion pada 1995 kepada AS\$6.7 bilion tahun 2000.

Walaupun jumlah dagangan merosot AS\$6.2 bilion tahun lalu, prospek kerjasama diperluaskan dalam beberapa bidang baru malah sehingga kini lebih 60 syarikat berkepenting-

an Malaysia beroperasi di Thailand.

Dr. Mahathir yakin lebih banyak masalah dapat diatasi bukan sahaja oleh Malaysia dan Thailand malah ASEAN keseluruhannya lebih-lebih lagi dengan pengukuhan hubungan di antara Asia Tenggara dan Asia Timur.